

# UPM, Kyutech tingkat penglibatan teknologi mesra alam

**FUKUOKA 21 Dis.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kyushu Institute of Technology (Kyutech) memperkenalkan *Sakura Science Plan (SSP) Japan-Asia Youth Science Exchange Program* bagi meningkatkan penglibatan bukan sahaja penuntutnya malah pelajar sekolah dalam bidang sains dan teknologi mesra alam.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli berkata, kerjasama di bawah program SSP ini adalah satu pendekatan pintar bagi memanfaatkan kelebihan sumber asli yang ada di Malaysia dan teknologi inovatif dari Jepun.

"Saya amat optimistik kerjasama melibatkan kepakaran kedua-dua universiti ini dapat menghasilkan pengetahuan baharu yang bernilai bagi manfaat Malaysia dan Jepun," katanya.

Beliau berucap dalam Simposi-



Melaporkan dari **FUKUOKA, JEPUN**

um Antarabangsa tentang Sains dan Kejuruteraan Gunaan 2014 kedua di Kyutech, di Kitakyushu dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Kyutech, Prof. Dr. Morio Matsunaga.

Program SSP di bawah *Japan Science and Technology (JST)* melibatkan tiga pelan khusus iaitu aktiviti pertukaran sains dan teknologi melalui kuliah, latihan amali atau lawatan; aktiviti kerjasama penyelidikan jangka pendek, dan aktiviti berpandu melibatkan lawatan institusi terpilih di Jepun.

Simposium itu sebahagian dari-

pada program SSP yang menjadi platform 110 penuntut UPM dari peringkat ijazah hingga pasasiswa membuat pembentangan dan pameran dalam bidang sains, teknologi, alam sekitar dan budaya berteraskan Malaysia.

UPM selaku peneraju program SSP di Malaysia melalui dana JST turut membawa 24 pelajar dari Sekolah Menengah Kebaangsaan (SMK) Jalan 4, Bandar Baru Bangi dan SSMK Bandar Baru Sungai Long, Kajang.

Menurut Fauzi, simposium itu menjadi pembuka minda kepada penyelidik muda bagi mencari rakan penyelidik di peringkat dunia.

"Di samping itu, melalui lawatan ke makmal penyelidikan di sini turut memberi inspirasi kepada para peserta untuk mencontohi kejayaan Jepun menyelesaikan masalah yang memberi manfaat sejagat," katanya. - UTUSAN